

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 SEPTEMBER 2016

PPBM hanya batu loncatan jatuhkan PM

BH-18/9/2016

➔ Bakal pengikut parti digesa sedar, elak diperguna demi capai kepentingan peribadi

Oleh Farah Suhaidah Othman
bhnews@bh.com.my

► Bukit Merah

Mana-mana pihak yang ingin menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) perlu membuka mata bahawa parti itu hanya dijadikan batu loncatan untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Malah, kenyataan terbaru yang dikeluarkan Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang menyokong pembebasan bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai agenda perjuangannya, disifatkan hanya untuk mengaibkan Per-

dana Menteri semata-mata.

Sehubungan itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Abdul Rahman Dahlan meminta bakal pengikut PPBM supaya sedar dan tidak terus dipergunakan pemimpin parti berkenaan untuk kepentingan peribadi serta mencapai matlamat parti berkenaan.

“Bagaimana harapan mereka (bakal pengikut) yang digula-gulkan dengan jawatan di peringkat cawangan, bahagian mahupun di peringkat majlis tertinggi?

“Apakah kalau Datuk Seri Najib turun sebagai Presiden UMNO (dan Perdana Menteri), maka partinya (PPBM) akan terkubur?”

Ramai tertipu

“Jadi, kalau begitu beliau (Tan Sri Muhyiddin) kena berterus-terang dengan mereka yang giat diminta untuk menjadi ahli bahawa mereka digunakan sebagai batu loncatan untuk memastikan Datuk Seri Najib tidak menjadi Perdana Menteri, selepas itu parti itu akan dibubarkan kerana objektifnya tercapai.

“Kalau inilah menjadi objektifnya, maka saya rasa ramai orang telah tertipu dengan penubuhan parti itu (PPBM),” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Ba-

hagian Larut di sini, semalam.

Abdul Rahman yang juga Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN), berkata meskipun pelbagai taktik digunakan pihak pembangkang dan pemimpin PPBM untuk menarik ahli UMNO keluar parti, namun ahli UMNO di semua peringkat terus memberikan sokongan terhadap kepemimpinan Perdana Menteri.

Teguh sokong PM

Abdul Rahman berkata, rakyat masih teguh memberi sokongan terhadap kepemimpinan Najib yang terus berfungsi dengan baik dan memenuhi wawasan.

“Kita bukan hanya ada PM (Perdana Menteri) yang duduk di pejabat tetapi kita ada PM yang memikirkan strategi dua tahun dan lima tahun (untuk negara dan rakyat). Orang yang buta sahaja tidak nampak transformasi yang dibuat untuk ekonomi, politik serta kerajaan.

“Wawasan beliau melangkaui masa 2020 hingga 2050, jadi kita tidak mahu isu 1MDB (1Malaysia Development Berhad) yang dimainkan oleh pembangkang menjadi penghalang kepada wawasan UMNO dan BN untuk memajukan negara ini dalam jangka masa panjang,” katanya.